



50 TAHUN MEMPERKASAKAN PERISTILAHAN

Peristilahan ke Arah Globalisasi

Oleh Azizul Ismail

Sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, Malaysia mempunyai dasar bahasanya sendiri seperti yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, Akta Pelajaran 1957 yang menggantikan *Education Ordinance* 1950 ciptaan British hingga ke Akta Pendidikan 1996 serta Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Tiga tujuan utama dasar bahasa diwujudkan ialah sebagai alat perpaduan bangsa, cerminan jati diri negara serta sebagai wahana penyelesaian masalah komunikasi di peringkat pentadbiran negara yang merentasi pelbagai bidang ilmu.

Melalui Akta Bahasa Kebangsaan 1967, peristilahan bahasa Melayu boleh dianggap sebagai "inti" dan "tiang seri" yang menjadikan bahasa Melayu sebagai wahana pembinaan tamadun bangsa. Sejak penubuhan DBP pada 22 Jun 1956, Bahagian Peristilahan telah memainkan peranan penting dalam pembinaan tamadun bangsa. Buku *Istilah Jawatan dan Jabatan* merupakan buku istilah pertama yang terbit pada tahun 1960 yang mengandungi 5034 entri dan disusuli pula dengan buku *Istilah Pentadbiran* pada tahun 1962. Sehingga kini, sebanyak 219 daftar istilah dan glosari istilah yang mengandungi lebih kurang sejuta istilah dalam pelbagai bidang ilmu berjaya diterbitkan. Antaranya ialah *Istilah Ekonomi, Istilah Pendidikan, Kamus Kejuruteraan Awam, Istilah Undang-undang, Senarai Istilah Pentadbiran dan Pengurusan, Istilah Agama Islam, Istilah Biologi, Istilah Fizik, Istilah Kimia, Istilah Matematik, Istilah Perubahan Kesihatan, Istilah Sains Politik, Istilah Veterinar, Glosari Insurans, Istilah Sukan* dan yang terbaru *Glosari AIDS*. Kejayaan penerbitan dan pengubalan istilah yang mencakupi pelbagai bidang ilmu ini membuktikan peristilahan bahasa Melayu telah mencapai tahap yang boleh dibanggakan. Usaha ini pastinya membantu DBP menyediakan dan memperlengkap prasarana untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai wahana pembinaan tamadun ilmu.

Selain itu, penerbitan kamus istilah sebagai rujukan penting dan mantap dalam sesuatu bidang turut diberikan tumpuan. Usaha DBP menerbitkan kamus istilah mula membuahkan hasil dengan terbitnya *Kamus Fizik: Mekanik* dan *Kamus Kimia: Biokimia* pada tahun 1989. Sehingga kini, sebanyak 31 buah kamus istilah pelbagai bidang ilmu telah diterbitkan. Antaranya ialah *Kamus Ke-*



Sidang Mabbim Ke-17.

juruteraan Awam, Kamus Biologi, Kamus Fizik, Kamus Matematik, Kamus Insurans, Kamus Farmasi, Kamus Landskap dan yang terbaru *Kamus Botani*.

"Ibarat seorang pahlawan Melayu yang berjuang, pantang menyerah kalah walau nyawa menjadi galang ganti", begitulah ibaratkan perjuangan DBP. Meskipun kedengaran suara sinis yang memperlekehkan peristilahan bahasa Melayu dengan menyatakan kerelevanan dan kelangsungan fungsi serta peranannya dalam arus globalisasi, namun peristilahan bahasa Melayu terus perkasa dalam arus pembangunan negara.

Pelbagai kerjasama "menang-menang" telah dilaksanakan dengan pelbagai pihak untuk mendaulatkan bahasa Melayu. Kerjasama peristilahan dengan institusi seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran, Bank Negara Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Institut Integriti Malaysia dan Perbadanan Putrajaya telah menjadikan peristilahan bahasa Melayu amat penting dalam perkhidmatan dan produk yang dikeluarkan oleh institusi tersebut. Senario ini sudah tentu akan meningkatkan nilai ekonomi bahasa Melayu dalam negara.

Bagi memajukan peristilahan bahasa Melayu, usaha pembangunan dan pemasaran istilah perlulah seiring dengan kemajuan teknologi maklumat. Melalui Sistem Bahasa Melayu Bersepadu (SBMB) kerja-kerja berkaitan pembinaan peristilahan bahasa Melayu dapat dipacu dengan cepat. Selain itu, penyebaran peristilahan bahasa Melayu



Antara hasil kegiatan Mabbim terbitan DBP.

dapat dikembangkan secara lebih meluas di dalam dan di luar negara melalui KaryaNet.

Peristilahan bahasa Melayu tidak hanya berlegar di dalam negara sahaja, malahan terdapat kerjasama kebahasaan yang erat, mantap dan berwibawa di peringkat serantau. Dunia peristilahan begitu sinonim dengan Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia (Mabbim). Pada awalnya majlis bahasa yang dianggotai oleh negara Indonesia dan Malaysia dikenali sebagai Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) ditubuhkan pada tahun 1972. Namun, penyertaan negara Brunei Darussalam pada tahun 1985 membawa kepada terbentuknya Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (Mabbim). Penubuhan Mabbim boleh dikatakan sebagai cetusan rasa ke arah penyatuan bangsa melalui bahasa. Keakraban negara-negara dari rumpun Melayu dan 'nilai sentimental' yang ada

pada ketiga-tiga negara anggota menjadikan badan tersebut berwibawa dan mantap dalam hal-hal yang berkaitan bahasa Melayu di peringkat serantau. Sehingga kini, kerjasama penyelesaian istilah pelbagai bidang ilmu oleh pakar bidang ketiga-tiga negara sudah mencapai tahap gemilang apabila Sidang Pakar Mabbim Ke-20 akan dilaksanakan di Malaysia. Sebanyak lebih kurang 400 ribu istilah pelbagai bidang ilmu telah diselarasakan di peringkat Sidang Pakar tersebut.

Ibarat dayung sudah di tangan dan perahu sudah di air, segala usaha dan prasarana telah disediakan untuk pengguna bahasa memanfaatkan. Kepada pihak yang sudah celik akal untuk menggunakan istilah bahasa Melayu syabas diucapkan. Jika kita sendiri sebagai warga Malaysia tidak menggunakannya siapa lagi yang akan memartabatkannya. Bak kata pepatah Melayu,

TAHUKAH ANDA?

Keranda 152 Kekalkan Bahasa Melayu

Keranda 152 merupakan satu tunjuk perasaan atau demonstrasi yang dicituskan oleh pejuang bahasa pada 3 Mac 1967 sebagai usaha untuk mengekalkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal negara, eko-ran daripada perbahasan Rang Undang-Undang Bahasa Kebangsaan 1967 di Parlimen. Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan (BBBK) yang ditubuhkan oleh Ketua Pengarah DBP, Syed Nasir Ismail, Yahya Ismail, Qamaruddin Haji Said, Abdullah Hussain, Zaki Fadhill, Usman Awang, M. Noor Azam dan Asraf A. Wahab telah menggesa kerajaan untuk tidak tunduk kepada desakan golongan anti bahasa kebangsaan.

Satu demonstrasi besar-besaran oleh Kongres BBBK bagi menunjukkan kekuatan dan sokongan rakyat telah diadakan di Balai Budaya, DBP, Kuala Lumpur. Kongres ini disokong oleh pelbagai pertubuhan dan parti politik Melayu, seperti UMNO, PAS dan Parti Rakyat, serta pelbagai pertubuhan seperti GPMS dan ABIM.

Mereka berarak sambil mengusung keranda 152 diiringi pelbagai sepanduk ke kediaman Tunku Abdul Rahman untuk menyampaikan protes rakyat kepada semua ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO yang bersidang pada hari itu. Para pejuang menghulurkan surat protes rakyat terhadap sikap kerajaan yang liberal terhadap bahasa Melayu dan merayu agar UMNO tetap memperjuangkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal. Sejarah dengan Fasal 152, Perlembagaan Negara bahawa bahasa Melayu akan menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara selepas 10 tahun dari tarikh merdeka. Gelaran Panglima Bahasa diberikan kepada Syed Nasir kerana keberaniannya menipukan obor perjuangan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal negara akan tetap dikenang sepanjang zaman.



Demonstrasi Keranda 152.

Oleh Wan Khairoslinda Wan Mohd Khairi